

Praktis 7 Cerpen Bawod

Soalan 1 – 5 berdasarkan bahan di bawah ini.

Baca bahan di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Dua puluh lima ekor kerbau dibariskan di atas satu garisan putih. Masing-masing dengan penunggangnya. Orang ramai bersesak-sesak, bertolak-tolakan untuk mara ke depan, terutamanya yang berbadan pendek.

Semuanya tidak mahu melepaskan peluang melihat perlumbaan kerbau. Empat lima orang kanak-kanak yang sukar dikawal berlari-lari ke tengah padang. Mereka segera dikejar oleh ibu bapa masing-masing. Perlumbaan akan dimulakan. Beluntung menarik nafas, cuba meredakan debaran jantungnya. Tuyog tenang sahaja memerhatikan saingannya. Beluntung terfikir juga alangkah baiknya, jika Bawod ada, supaya Tuyog tambah bersemangat tetapi apabila mengingatkan jika Bawod ada, tentulah sukar mengawalnya, terutamanya apabila melihat ramai kanak-kanak. Tentunya Bawod berlari-lari ke sana ke mari, mengejar kanak-kanak.

Keadaan semakin riuh-rendah. Ketua Kampung Layong dengan pakaian serba hitam bersedia memulakan perlumbaan. Gong dipalu, kerbau-kerbau mula berlari. Tuyog *menoleh sebentar* kepada gong yang baru dipalu, sebelum berlari mengejar kerbau-kerbau di hadapannya.

Dipetik daripada cerpen “Bawod”,
antologi *Bintang Hati*, Tingkatan 3,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- 1 Maksud rangkai kata *menoleh sebentar* ialah
- A berpusing sekejap.
 - B mengalihkan perhatian.
 - C melihat ke hadapan sejenak.
 - D berpaling untuk melihat seketika.

Mentalsir (Aras R)

- 2 Keadaan semakin riuh-rendah.

Peribahasa yang sesuai dengan situasi di atas ialah

- A bagai melihat ulat.
- B bagai aur ditarik songsang.
- C bagai anjing melintang denai.
- D bagai langau mengerumuni bangkai.

Mentalsir (Aras R)

- 3 Apakah latar masyarakat yang terdapat dalam petikan cerpen di atas?

- A Masyarakat yang gigih menuntut ilmu.
- B Masyarakat haiwan yang menjadi mangsa kezaliman manusia.
- C Masyarakat kampung yang masih mengekalkan budaya tradisi.
- D Masyarakat yang tidak suka menyertai pertandingan.

Memahami, Menganalisis (Aras S)

- 4 Berdasarkan petikan, mengapakah orang ramai bersesak-sesak?

- A Mahu mengejar kanak-kanak
- B Mahu menyaksikan perlumbaan kerbau
- C Mahu memberikan sokongan kepada Ketua Kampung Layong
- D Mahu mengelakkan diri daripada dikejar oleh ibu bapa masing-masing

Memahami, Menganalisis (Aras S)

- 5 Pernyataan berikut **benar** berdasarkan petikan **kecuali**

- A Beluntung sukar mengawal Tuyog.
- B kerbau-kerbau berlari setelah mendengar bunyi gong dipalu.
- C ketua Kampung Layong memakai pakaian serba hitam.
- D Sebanyak 25 ekor kerbau mengambil bahagian dalam perlumbaan tersebut.

Menganalisis, Menyusun (Aras T)